

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 8  
 RUANGAN : NASIONAL

## Kaji semula keberkesanan sistem kesihatan



Negara akan meningkatkan kesiapsiagaan mengurus penyakit berjangkit dan krisis kesihatan.  
 (Foto hiasan)

**Kerajaan** akan mengkaji semula keberkesanan sistem kesihatan negara dalam usaha memperkuatkan sistem penjagaan kesihatan demi memastikan rakyat sihat dan produktif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan juga merangka dasar kesihatan negara bagi meningkatkan kesiapsiagaan mengurus penyakit berjangkit dan krisis kesihatan.

"Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara juga sedang dimuktamadkan bagi memastikan Malaysia mampu menghasilkan vaksin sendiri.

"Pelan ini juga membolehkan negara bersedia menghadapi sebarang pandemik pada masa depan," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain itu, kerajaan merancang membina Institut Penyakit Berjangkit di Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada 2022.

Katanya, penubuhan institut itu bertujuan mencegah penya-

kit, ketidakupayaan dan kematian disebabkan penyakit berjangkit.

Perdana Menteri berkata, Pelan Rangka Tindakan Pembaharuan Sistem Penjagaan Kesihatan Malaysia akan diperkenalkan sebagai hala tuju baharu untuk mentransformasi sistem penjagaan kesihatan negara.

Untuk tujuan itu, satu kajian akan dijalankan untuk memantapkan landskap sektor penjagaan kesihatan, merangkumi transformasi sektor penjagaan kesihatan awam, pembaharuan peraturan sektor penjagaan kesihatan swasta dan pembiayaan kesihatan yang mampan.

Beberapa dasar yang menyasarkan pada keperluan kesihatan khusus juga akan diperkenalkan seperti penjagaan kesihatan oral, kesihatan mental dan imunisasi.

Di samping itu, Perdana Menteri berkata, dasar keselamatan makanan juga akan dikaji semula untuk melindungi rakyat daripada ancaman kesihatan dan

penipuan dalam rantaian bekalan makanan, termasuk penyediaan, penjualan serta pengurusan makanan.

Selain itu, beliau berkata, program perpaduan dan sukan secara inklusif serta komprehensif akan dipergiatkan bagi memperkukuh kesepaduan Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri berkata, perpaduan rakyat yang berbilang kaum, agama dan bangsa, selain integrasi nasional silang budaya serta merentasi ideologi politik, adalah tunjang kekuatan Keluarga Malaysia.

"Kesejahteraan hidup adalah hak asasi manusia dan hak ini tidak boleh dinafikan. Saya sedar dalam situasi pandemik COVID-19, rakyat menaruh harapan yang tinggi kepada kerajaan.

"Kerajaan akan sentiasa mencari jalan yang terbaik untuk memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia dalam pelbagai aspek, terutama penjagaan kesihatan dan penyediaan kediangan yang berkualiti," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kes terus menurun kepada 10,959

Selangor kali pertama catat tiga angka jangkitan selepas tiga bulan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Angka harian COVID-19 terus menurun dengan 10,959 kes baharu semalam, dengan Selangor turut mencatatkan penurunan kepada tiga angka selepas tiga bulan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, jumlah kumulatif kes di negara ini 2,209,194 kes dan hanya dua negeri mencatatkan pertambahan kes empat angka, iaitu Sarawak dengan 2,723 kes dan Johor (1,226).

Beliau berkata, Kelantan de-

ngan 983 kes baharu serta Selangor yang sebelum ini mencatatkan kes empat angka kini mula menunjukkan penurunan apabila merekodkan 979 kes baharu.

Beliau berkata, ia disusuli Pulau Pinang (793), Sabah (751), Pahang (739), Perak (713), Terengganu (691), Kedah (660), Melaka (346), Kuala Lumpur (176), Negeri Sembilan (110), Perlis (15), Putrajaya (18).

"Tiada pertambahan kes dilaporkan di Labuan," katanya semalam.

"Secara keseluruhannya, daripada jumlah yang dikesan hari ini, 10,754 kes atau 98.1 peratus kes yang dilaporkan adalah pesakit dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Sementara itu, 205 kes atau 1.9 peratus ialah dalam kategori tiga hingga lima iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kri-

tikal," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 862 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), dengan 378 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

Mengenai 19 kluster baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham memaklumkan sembilan berpunca di tempat kerja, dalam kalangan komuniti (lapan) dan masing-masing satu kluster dalam pusat tahanan dan kumpulan berisiko tinggi.

Pertambahan kluster berkenaan kini sudah menjangkiti 332 kes iaitu tempat kerja (190 kes), komuniti (115), kumpulan berisiko tinggi (13) dan pusat tahanan (14).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah semalam, terdapat 16,430 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih daripada COVID-19 di negara ini ialah sebanyak 2,005,942 kes.



Pasar Awam Pulau Tikus dan tapak penjaja sementara hadapan Pasar Pulau Tikus (Malam) di Jalan Pasar, Georgetown ditutup selepas peniaga serta pekerja disahkan positif COVID-19.  
(Foto Mikail Ong/BH)

## MPN cadang rentas negeri pertengahan Oktober

**Putrajaya:** Majlis Pemulihan Negara (MPN) mencadangkan kebenaran merentas negeri pada pertengahan bulan depan, jika kadar pelalihan terhadap COVID-19 mencapai 90 peratus penduduk dewasa.

Pengerusinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata perkara itu sedang diperhalusi oleh beberapa kementerian terbabit untuk dibincangkan lagi minggu ini, termasuk kewajaran membuka semula sempadan negara, yang ditutup sejak Mac tahun lalu.

Beliau berkata, cadangan itu juga akan dibincangkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang akan mengumumkan keputusan mukamad tidak lama lagi.

"Rentas negeri berdasarkan kepada data dengan kadar vaksinasi sudah meningkat hampir ke 90 peratus.

"Kalau dimaklumkan tadi, kemungkinan pada Oktober sama ada awal atau selewat-lewatnya pertengahan Oktober.

"Jadi, saudara bolehlah pergi merayau ke mana-mana di Ma-



Muhyiddin sebelum mempengerusikan Mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam.  
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

laysia ini, tetapi sentiasa ingat untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat MPN, di sini semalam.

Yang turut hadir Menteri Ka-

nan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mo-

hamed Azmin Ali, Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Muhyiddin berkata, beberapa kementerian akan meneliti kewajaran membuka semula sempadan negara kepada pelancong asing.

"Soal isu pembukaan sempadan kita, saya bangkitkan tadi dan ada respons. Ini sedang diperhalusi oleh Menteri-menteri yang terbabit untuk dibincangkan dalam minggu ini juga.

"Apakah kewajarannya supaya sempadan negara kita dibuka untuk membolehkan Malaysia dan rakyat kita pergi ke luar negeri? Di mana diterima, disebabkan mereka semua sudah diberikan suntikan dos lengkap?"

"Kita lihat sama ada sempadan akan dibuka untuk membolehkan pelawat, peniaga, usahawan, pelancong datang ke negara kita. Salah satu daripada keputusan yang saya fikir akan membawa kesan yang besar kepada negara kita," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : COVID-19

## PICK REMAJA: ENGGAN AMBIL VAKSIN

# Tak asingkan pelajar

Oleh Mohd Amin Jalil  
 am@hmetro.com.my

### Seremban

Hanya sebilangan kecil pelajar negara ini yang menolak vaksin Covid-19 di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) Remaja, kata Timbalan Menteri Pendidikan 1 Datuk Dr Mah Hang Soon, (*gambar*).

Katanya, penolakan itu antaranya disebabkan mereka belum bersedia menerima suntikan vaksin dan bukan menentang sepenuhnya.

Bagaimanapun, katanya, tiada statistik menunjukkan

jumlah sebenar remaja terabit, bahkan Pick Remaja masih berjalan lancar.

"Kita tidak menolak kemungkinan ada kalangan pelajar yang menolak suntikan vaksin atas sebab tertentu termasuk belum bersedia.

"Namun, secara keseluruhannya majoriti pelajar setuju menerima vaksin. Kita (KPM) akan terus berusaha memberikan penerangan dan menyelaraskan segala maklumat mengenai peralihan

pelajar mengambil vaksin ini menerusi rakan sebaya dan ibu bapa mereka," katanya.

Beliau ditemui selepas mengadakan lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) yang mengendalikan Pick Remaja, semalam.

Mah berkata, kementerian tidak merancang untuk mengasingkan pelajar yang belum divaksin se-


baik sesi persekolahan bersemuka dilaksana secara berperingkat mulai 3 Oktober ini.

"Kita tidak boleh lakukan diskriminasi terhadap pelajar yang tidak ambil vaksin namun sebaik-baiknya kita terus berusaha menggalakan semua atau 100 peratus mengambil suntikan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, rata-rata pelajar ditemui ketika lawatan di beberapa PPV yang menjalankan Pick Remaja menyuarakan rasa tidak sabar untuk kembali ke sekolah serta menunjukkan komitmen tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka.



Jadi tumpuan



TINJAUAN mendapati kawasan jeti bot sesak dengan orang ramai yang membawa keluarga untuk bersantai di Puteri Harbour, Johor Bahru. Kawasan tumpuan itu sesak dan dipenuhi orang awam susulan peralihan Johor ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak Jumaat lalu. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

## Tak patuh SOP, kes turun naik di Sabah



MASIDI

**Kota Kinabalu:** Kes harian Covid-19 di Sabah berubah-ubah setiap hari dipercayai ada kaitan dengan tahap pematuan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan masyarakat negeri ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri Datuk Masidi Manjun berkata, faktor itu antara sebab kes baharu Covid-19 di Sabah meningkat semula melebihi 1,000 kes kelmarin selepas mencatat tiga angka Sabtu lalu.

Katanya, ketidakpatuhan

terhadap SOP menyebabkan virus Covid-19 mudah mebak dan akhirnya menjangkiti ramai orang, sekaligus menyebabkan statistik jangkitan baharu virus berkenaan naik semula.

"Kes di Sabah pada paras melebihi 1,000 kes sehari selama hampir dua bulan sejak 4 Ogos lalu," katanya.

Sabah mencatat 1,078 kes baharu Covid-19 kelmarin menunjukkan peningkatan 116 kes berbanding 962 kes Sabtu lalu.

Mengulas lanjut, Masidi

berkata, perubahan angka harian kes Covid-19 di Sabah tidak statik dipengaruhi oleh tahap pematuan orang ramai di negeri ini terhadap SOP.

"Makin tinggi kadar pematuan SOP semakin rendah risiko tambahan jangkitan.

"Pada hari ini (semalam), peningkatan kes harian Sabah juga selari dengan statistik bilangan daerah mencatatkan peningkatan kes iaitu 14 daerah berbanding 12 daerah yang mencatatkan penurunan kes," katanya.

## Dos penggalak: Perak serah kepada KKM

**Batu Gajah:** Kerajaan negeri Perak sedang mengkaji keperluan dalam memberi suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 kepada rakyat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri Mohd Akmal Kamarudin berkata, pihaknya menyerahkan keputusan untuk melaksanakan pemberian dos ketiga itu kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kita masih dalam kajian, kita sedang menunggu arahan daripada pihak KEMEN-

terian Kesihatan Malaysia.

"Jadi, setakat ini kita memang belum ada keputusan untuk perkara itu (pelaksanaan suntikan dos ketiga)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau pembukaan vaksinasi dos dua secara pandu lalu di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Silverlakes Kinta Valley di sini, semalam.

Mohd Akmal berkata, ini kerana segala keputusan berhubung pelaksanaan dasar pemberian dos itu berada di bawah bidang kuasa KKM.

## Pandemik di Negeri Sembilan semakin pulih

**Seremban:** Situasi pandemik Covid-19 di Negeri Sembilan semakin baik, dengan penggunaan fasiliti kesihatan bagi merawat pesakit wabak itu menurun kepada kurang 50 peratus.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, perkembangan positif itu hasil daripada pelbagai kempen dan program kesedaran mengengkan penularan Covid-19 selain galakan vaksinasi.

"Negeri Sembilan kini semakin pulih daripada pandemik Covid-19. Dapat dilihat pada statistik yang dikongsi bahawa penggunaan alat bantuan pernafasan, unit rawatan rapi, katil hospital dan pusat kuarantin kurang daripada 50

peratus. "Kadar penggunaan fasiliti kesihatan yang rendah ini adalah hasil daripada usaha kerajaan negeri dan pelbagai pihak dalam memastikan rakyat Negeri Sembilan menerima vaksin dengan kadar segera," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Menurutnya, antara program dilaksana, mem-buka pusat pemberian vaksin (PPV) pada Sabtu dan Ahad, program outreach vaksinasi serta kempen yang berterusan kepada segenap lapisan masyarakat. "Saya mengingatkan kepada semua supaya terus mematuhi prosedur standard operasi (SOP) agar kes Covid-19 terus menurun," katanya.



**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : COVID-19**

**Kuala Terengganu**

**K**erajaan Terengganu memulakan program vaksinasi Covid-19 kepada golongan gelandangan di beberapa lokasi di sekitar daerah ini malam kelmarin. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ahmad Shah Mohamed berkata, seramai 18 gelandangan sudah menerima suntikan dos tunggal vaksin jenis CanSino.

Setakat ini, dianggarkan terdapat 50 gelandangan di sekitar daerah Kuala Terengganu.

"Sambutan diterima sangat baik kerana gelandangan sudah diberi penerangan oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sebelum ini sering menyanjuti mereka mengenai kepentingan vaksin.

"Jadi, proses suntikan berjalan lancar cuma ada beberapa orang yang melarikan diri, mungkin tidak selesai melihat individu tidak dikenali turut serta. Kita akan kesan mereka agar tidak tercicir menerima vaksin secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau proses vaksinasi gelandangan yang turut disertai anggota Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat,

# 'Syukur kami tak dipinggir'

Seramai 18 gelandangan menerima suntikan dos tunggal vaksin jenis CanSino



PETUGAS kesihatan meninjau dos vaksin Covid-19 jenis CanSino sebelum gelandangan disuntik di Hentian Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, kelmarin. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

kat, Jabatan Pendaftaran Negara dan Persatuan Sosial Komuniti Terengganu di sini, malam kelmarin.

Sementara itu, seorang gelandangan, Mohd Zulkifli Mohd Rani, 50, dari Keremah, Kemaman

berkata, beliau bersyukur kerana kerajaan tidak meminggirkan mereka dalam mendapatkan vaksin.

"Saya tahu pasal vaksin sebab tengok televisyen di kedai makan di hentian bas ini, memang

faham dan tak takut sebab NGO yang selalu datang pun berpesan supaya bagi kerjasama baik kepada doktor.

"Bukannya lama, sekejap sangat proses cucuk (vaksin) dan tak rasa sakit langsung. Doktornya baik dan NGO yang biasa datang memang akan bagi makanan serta keperluan lain kepada kami di sini," katanya.

**Dianggarkan terdapat 50 gelandangan di sekitar daerah Kuala Terengganu**

## Selangor catat kurang 1,000 kes

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 terus mencatatkan penurunan apabila merekodkan sebanyak 10,959 kes semalam - angka jangkitan terendah sejak Julai lalu - menjadikan jumlah keseluruhan 2,209,194 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 10,959 kes direkodkan semalam, sebanyak 205 kes atau 1.9 peratus adalah kategori tiga hingga lima.

"Seramai 10,754 lagi kes atau 98.1 peratus adalah terdiri daripada kategori satu dan dua. Daripada jumlah kes dilaporkan, 12 adalah kes import, manakala 10,947 kes lagi memabitkan penularan tempatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Sarawak kekal menca-

tatkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 2,723 kes diikuti Johor yang merekodkan 1,226 kes dan Selangor dengan jumlah kes di bawah 1,000 iaitu 979 kes.

Terdapat 980 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) memabitkan 862 kes Covid-19, manakala 118 kes dalam siasatan dengan 579 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 16,430 kes dilaporkan pulih menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 2,005,942 kes atau 90.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes dilaporkan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengenal pasti 19 kluster baharu yang dilaporkan di Johor, Perak, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak, semalam.

## 37 ditahan di lokasi hotspot gelandangan

**Kuala Lumpur:** "Serang hendap' tengah malam terhadap lokasi gelandangan di tengah ibu kota mendapati 100 peratus gelandangan ditemui dan ditahan membabitkan golongan lelaki dewasa.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, berdasarkan operasi menyelamat gelandangan dilakukan pihaknya sejak 17 September lalu mendapati hampir semua gelandangan diselamatkan membabitkan lelaki tempatan.

Menurutnya, kebanyakan gelandangan itu ditemui sedang tidur di kaki lima bangunan dengan beralaskan kotak kadbod atau kain lusuh.

"Semua ditahan adalah lelaki warga tempatan dan

tidak membabitkan warga asing. Malah, tidak timbul isu membabitkan bangsa tertentu berikutan DBKL menyelamatkan 19 lelaki berbangsa Melayu, Cina (Iapan) dan India (10).

"Semua mereka berusia 32 tahun hingga 65 tahun dibawa ke Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana di sini.

"Semua gelandangan itu menjalani ujian saringan Covid-19 dan diberi makan minum. Mereka melalui saringan bagi menilai tahap keupayaan mental, fizikal dan produktif untuk diberikan pekerjaan yang sesuai," katanya.

Menurut kenyataan DBKL, operasi sebelum ini



KARITANGAN kesihatan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap gelandangan yang ditahan.

yang bermula jam 12 tengah malam itu turut disertai Timbalan Menteri Wilayah

Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias. Bagaimanapun gelanda-

ngan yang didapati positif ujian air kencing diambil tindakan oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang turut serta dalam operasi itu.

Sementara itu, Jalaluddin berkata, DBKL menerima aduan awam berkaitan golongan gelandangan di beberapa lokasi hotspot (tumpuan) di sekitar ibu kota sehnasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, data dua pusat gelandangan diperoleh daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Ogos lalu mendapati seramai 55 gelandangan ditempatkan di An-

jung Singgah Kuala Lumpur manakala seramai 172 lagi ditempatkan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

Menurutnya, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) turut bercadang mewujudkan pusat transit khusus bagi menempatkan gelandangan yang mempunyai masalah mental di Kuala Lumpur.

Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengkaji kawasan yang sesuai untuk menempatkan golongan berkenaan di pusat khas gelandangan di bawah seliaan DBKL.

Ketika ini tiada pusat khusus untuk menampung mereka yang menghidap masalah mental dalam kalangan gelandangan di Kuala Lumpur.



AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 11  
 RUANGAN : COVID-19

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan merangka dasar kesihatan negara bagi meningkatkan kesiapsiagaan mengurus penyakit berjangkit serta krisis kesihatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia melalui Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara bagi memastikan Malaysia mampu menghasilkan vaksin sendiri.

Menurutnya, pelan berkenaan membolehkan negara bersedia menghadapi sebarang pandemik pada masa akan datang.

Selain itu, katanya, kerajaan

## Bina Institut Penyakit Berjangkit Malaysia di Negeri Sembilan

juga akan membina Institut Penyakit Berjangkit Malaysia di Bandar Enstek, Negeri Sembilan tahun depan, bertujuan mencegah penyakit, ketidakupayaan dan kematian yang disebabkan oleh penyakit berjangkit.

“Kerajaan turut mengka-ji semula keberkesanan sistem kesihatan sedia ada dan mengenal pasti langkah proaktif meningkatkan kesiapsiagaan

hospital untuk mencapai nisbah 2.06 katil hospital bagi setiap 1,000 penduduk menjelang 2025.

“Kerajaan akan membangunkan fasiliti kesihatan baharu sebagai tambahan kepada 12 hospital yang sedang dibina di seluruh negara dan dijangka siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

“Kelengkapan dan peralatan kesihatan termasuk keperluan unit ra-

watan rapi (ICU) akan ditambah,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan membina dan menaik taraf klinik kesihatan di seluruh negara untuk merapatkan jurang perbezaan fasiliti kesihatan bandar dan luar bandar.

Berhubung Dasar Perumahan Negara, Ismail Sabri berkata, sebanyak 500,000 unit lagi rumah mampu milik akan dibina dalam RMK-12 bagi meningkatkan peluang kumpulan B40 dan M40 memiliki rumah.



AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 22  
 RUANGAN : LOKAL

## Suami lengkap vaksin boleh teman isteri di bilik bersalin

**Kuala Lumpur:** Suami yang lengkap menerima dos vaksin Covid-19 akan dibenarkan menemani isteri yang bakal melahirkan anak dalam bilik bersalin, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, selain itu, suami perlu negatif ujian Covid-19 sebelum dibenarkan menemani isteri mereka.

"Saya minta Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) untuk

menbenarkan bakal bapa yang lengkap divaksinasi dan menjalankan ujian



Covid-19 dan negatif untuk menemani isteri mereka dalam bilik bersalin," katanya dalam entri terbaru di laman Twitter rasminya, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab permintaan seorang pengguna media sosial itu yang memohon agar golongan bapa yang lengkap divaksinasi dan keputusan ujian Covid-19 negatif, dibenarkan menemani isteri dalam bilik bersalin.

Entri Khairy itu dibalas Dr Noor Hisham yang menyatakan: "Ya, akan dilaksanakan apa yang diperlukan."

Sebelum ini hospital kerajaan tidak membenarkan suami menemani isteri dalam bilik bersalin sejak pelaksanaan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu akibat penularan koronavirus.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

Jangkitan harian dalam negara turut menghampiri bilangan empat angka

## Kes baharu di Selangor bawah 1,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI dan  
 MOHD RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Kes harian Covid-19 bagi Selangor semalam mencatatkan angka bawah 1,000 buat pertama kali sejak hampir lima bulan lalu dengan 979 kes.

Kali terakhir kes baharu di Selangor mencatatkan angka bawah 1,000 ialah pada 4 Mei lalu dengan 675 kes.

Dalam pada itu, kes harian negara juga hampir turun kepada empat angka dengan 10,959 kes semalam, menjadikan jumlah kes positif sebanyak 2,209,194.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak merekodkan sebanyak 2,723 kes, diikuti Johor (1,226 kes) dan Kelantan (983 kes).

"Selangor (979 kes), Pulau Pinang (793 kes), Sabah (751 kes), Pahang (739 kes), Perak (713 kes), Terengganu (691 kes), Kedah



**SUASANA di Pusat Penilaian Kesihatan Covid-19 (CAC) Bandar Mahkota Cheras, Kajang yang tidak lagi sesak dengan pesakit Covid-19.** – MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

(660 kes), Melaka (346 kes), Kuala Lumpur (176 kes) dan Negeri Sembilan (110 kes).

"Perlis (51 kes), Putrajaya (18

dan tiada jangkitan baharu di Labuan," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Sementara itu, ruangan komen

di Facebook Dr. Noor Hisham semalam dibanjiri dengan ungkapan 'Alhamdulillah' apabila kes harian Covid-19 dicatatkan

bawah paras 11,000 jangkitan.

Rata-rata orang ramai melahirkan perasaan syukur dan berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dan petugas barisan hadapan selepas kejayaan melandaikan lekuk jangkitan Covid-19 ketika ini.

"Alhamdulillah, kes semakin turun," lafaz Harlisa Aliza.

"Alhamdulillah, moga makin turun dan moga lenyaplah Covid-19 dari muka bumi, Amin," doa Eyla Dali.

"Alhamdulillah, terus kekal duduk di rumah jika tiada urusan penting di luar," minta Nor Syida.

"Alhamdulillah, semoga kita semua dilindungi daripada Covid-19," kata Pak Teh Ramli.

Selain itu, beberapa negeri lain yang sebelum ini mencatatkan jangkitan melebihi 1,000 kes sehari turut menunjukkan penurunan antaranya Pulau Pinang (793), Kedah (660), Kelantan (983) dan Perak (713).

## Sebanyak 278 kes kematian lagi dilaporkan

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 278 kes kematian dilaporkan semalam dengan 90 kes kematian sebenar bagi tempoh tujuh hari, demikian data pada laman web COVIDNOW.

Menurut maklumat yang dikemas kini pukul 11.59 malam kelmarin, angka tersebut menjadikan jumlah kematian Covid-19 di seluruh negara kini mencecah 25,437 kes.

"Sebanyak 99 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) dilaporkan, dengan jumlah kes BID sebanyak 5,022 kes.

"Dalam masa sama, kes-kes dilaporkan di negeri-negeri kecuali Perlis, Labuan dan Putrajaya yang tidak mencatatkan kematian," katanya di sini semalam.

Kes kematian itu dilaporkan di Selangor (113), Johor (32), Pulau Pinang (31), Kedah (27), Sabah (22), Kuala Lumpur (12), Kelantan (11), Sarawak (11), Terengganu (5), Perak (5), Melaka (4), Pahang (4) dan Negeri Sembilan (1).

Terdapat 183,289 kes aktif melibatkan 152,299 kes dikuarantin di rumah, 20,147 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 9,793 kes di hospital, 468 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan

### COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
Kes baharu	10,959
Import:	12
Tempatan:	10,947
Pulih	16,430
Jumlah kes sembuh	2,005,942
Jumlah Kematian	25,437
Jumlah kes keseluruhan	2,209,194

pernafasan dan 582 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

Dalam pada itu, kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau R-naught pada jangkaan mengikut kes seharian semalam untuk seluruh negara adalah pada 0.90.

Hanya negeri Pahang yang mencatatkan kadar R-naught pada angka 1.0, manakala negeri-negeri lain berada di bawah angka 1.


Di Lembah Klang, kadar R-naught bagi Selangor adalah 0.88, Kuala Lumpur (R-naught 0.84) dan Putrajaya (R-naught 0.99).



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA



**MOHAMED NIZAM** menunggu giliran untuk menerima vaksin Covid-19 di Kampung Sungai Pergam, Kemanan semalam.

## 'Lebih takut Covid-19 daripada jarum suntik'

**KEMAMAN** – Rindu untuk kembali ke sekolah mendorong seorang remaja Orang Asli kaum Semaq Beri untuk menerima vaksin Covid-19 di Kampung Sungai Pergam di sini.

Mohd. Shah Sharif, 16, yang merupakan pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Neram turut mengambil inisiatif memujuk rakan-rakan Orang Asli yang lain untuk turut sama menerima suntikan tersebut.

"Hampir enam bulan rasanya tidak ke sekolah. Saya rindu hendak belajar di sekolah dan berjumpa dengan guru-guru.

"Belajar di rumah tidak sama seperti belajar di sekolah, lagipun kemudahan internet di sini tidak bagus. Saya bimbang akan terus ketinggalan dalam pelajaran jika berterusan begini," katanya pada program Outreach Vaksinasi Covid-19 Orang Asli Kampung Sungai Pergam, di sini semalam.

Pada program tersebut, 70 daripada 290 Orang Asli yang menerima suntikan vaksin terdiri daripada remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Mohd. Shah berkata, meskipun pada awalnya timbul rasa bimbang dan takut untuk menerima vaksin kerana takut jarum, namun dia mengenyepikan semua perasaan tersebut.

"Saya berkata dalam hati, risiko dijangkiti Covid-19 jauh lebih serius dan berbahaya daripada takut jarum," katanya.

Seorang lagi remaja Orang Asli, Mohamad Nizam Ismail, 14, berkata, walaupun sudah tidak bersekolah, dia mahu mengambil suntikan vaksin kerana berhasrat untuk keluar ke bandar.

"Saya hendak keluar ke bandar sebab sudah lama tidak keluar dari kampung. Pasar raya terdekat pun saya tak pergi sebab bimbang dijangkiti Covid-19," katanya.

KJ telah minta KKM laksanakan perkara tersebut

## Suami boleh teman isteri ketika bersalin

Oleh **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR**

**PUTRAJAYA** – Bakal bapa yang lengkap divaksinasi serta negatif ujian Covid-19 akan dibenarkan untuk menemani isteri mereka di bilik bersalin.

Perkara tersebut disahkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi ciapannya di Twitter semalam.

Menurutnya, dia telah meminta Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah untuk melaksanakan perkara tersebut.

"Saya telah minta @DGHisham untuk membenarkan bakal bapa yang lengkap divaksinasi dan menjalankan ujian Covid-19 serta negatif untuk menemani isteri

mereka dalam bilik bersalin," menurut ciapan itu semalam.

Beliau berkata demikian bagi membalas ciapan pengguna Twitter, @f\_scottphytz yang memintanya mempertimbangkan perkara tersebut.

"YB, mohon pertimbangkan suami yang lengkap divaksinasi untuk menemani isteri mereka di bilik bersalin. Jika ujian dijalankan menunjukkan mereka tidak dijangkiti Covid-19," ciap pengguna itu.

Ciapan tersebut menerima reaksi positif daripada orang ramai terutamanya pasangan yang bakal menyambut kelahiran cahaya mata pertama mereka.

Bagi @IkhwanAfiq, perkara tersebut semanganya wajar untuk dilaksanakan.

"Saya sendiri tak dapat teman isteri bersalin disebabkan Covid-19 dan suami memang sepatutnya ada untuk (memberi) semangat kepada isteri.

"Terima kasih YB kerana mempermudah urusan bagi pasangan yang bakal menerima cahaya mata," ciapnya.


Menurut @DeeAnneeeee pula: "Alhamdulillah. Terima kasih YB. Saya dijangka melahirkan anak pada 5 Oktober. Harap dapatlah suami teman masa di bilik bersalin nanti."

Afiq Qifa pula berkata: "Tolong. Isteri saya dah hampir melahirkan anak sulung kami. Kami berdua dah lengkap divaksin. Dapat masuk teman isteri bersalin walaupun kena pakai sut angka-sawan pun saya sanggup."



**GOLONGAN** suami yang telah lengkap divaksin dan negatif Covid-19 kini dibenarkan untuk menemani isteri masing-masing ketika proses melahirkan anak. – GAMBAR HIASAN

## Masih ada ibu bapa belum bersedia anak disuntik vaksin



**HANG SOON** beramah mesra dengan pelajar yang menunggu giliran untuk mendapatkan vaksin di PPV Dewan MBS, Seremban semalam. – MOHD SHAHJHEHAN MAAMIN

**SEREMBAN** – Hanya sejumlah kecil ibu bapa yang masih belum bersedia membenarkan anak mereka disuntik vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Mah Hang Soon berkata, setakat ini tiada data khusus berhubung jumlah mereka yang terlibat memandangkan program vaksinasi untuk pelajar ini baru saja dilaksanakan.

"Program ini masih di peringkat awal tetapi kami (Kementerian Pendidikan) dimaklumkan hanya sebilangan kecil ibu bapa belum membuat keputusan mungkin pada awalnya mereka belum bersedia membenarkan anak menerima vaksin Covid-19.

"Biarpun jumlah itu kecil, namun perkara itu perlu diberi perhatian selaras usaha menggalakkan semua pelajar menerima vaksin menjelang pembukaan semula sekolah tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas meninjau proses pemberian vaksin kepada pelajar sekolah di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini semalam.

Menurutnya, kementerian akan cuba sedaya upaya memberikan maklumat berkaitan kepentingan vaksin kepada ibu bapa dan penjaga dalam memeringi penularan pandemik itu.

"Selain itu, kaunter penera-

ngan khas dan kaunseling turut disediakan di setiap PPV bagi membolehkan ibu bapa dan pelajar mendapat maklumat yang tepat selain sebagai satu bentuk sokongan supaya mereka menerima vaksin Covid-19," katanya.

Jelas beliau, setakat ini, pihaknya belum menerima kes melibatkan pelajar sekolah yang mempunyai kesan sampingan atau gejala yang serius selepas disuntik vaksin Covid-19.

"Sekiranya ada kesan sampingan serius, perlu segera bawa anak untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan atau hospital berdekatan," katanya yang memberitahu ibu bapa perlu melaporkan dan mengemasa kini data melalui MySejahtera.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NEGARA

## Lelaki pengsan selepas berbasikal disahkan mati

**KULIM** - Seorang lelaki meninggal dunia selepas pulang daripada melakukan aktiviti berbasikal di hadapan rumahnya di Taman Mutiara, Sungai Kob di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 7.10 pagi itu, mangsa yang berusia 52 tahun dikatakan baru pulang daripada berbasikal sebelum tiba-tiba terjatuh dan pengsan setelah melakukan senaman ringan.

Beberapa jiran dan ahli keluarga mangsa cuba memberi bantuan pernafasan sebelum menghubungi ambulans.


Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Sazalee Adam berkata, kakitangan kesihatan yang tiba di lokasi mengesah-

kan mangsa sudah meninggal dunia.

"Siasatan mendapati lelaki itu mempunyai sejarah penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Pemeriksaan mendapati mangsa dijangkiti Covid-19 pada 28 Ogos lalu dan sudah selesai menjalani kuarantin selama 14 hari. Mangsa juga sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19," katanya di sini semalam.

Menurut Sazalee, siasatan mendapati tiada unsur jenayah dalam kes kematian mangsa. Mayat lelaki itu dihantar ke hospital untuk proses bedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya.



**KAKITANGAN KKM memeriksa mangsa yang terjatuh di hadapan rumahnya di Taman Mutiara Sungai, Kulim semalam.**



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 10  
 RUANGAN : NEGARA

## 'Perang' belum tamat



Analisis  
Semasa

Bersama  
**ARINA AZLAN**

**BARU-BARU** ini, tular satu kem-  
mas kini di media sosial milik  
petugas kesihatan yang membi-  
carakan tentang pengalamannya  
mengendalikan kes kecemasan  
melibatkan dua kanak-kanak.

Perkongsian yang dibuat  
mungkin berkenaan impak buruk  
Covid-19 terhadap kanak-kanak.

Penulis ingin menekankan  
perkataan mungkin kerana dia  
sendiri yang menulis '*I Supposed*'  
dalam perkongsian yang  
membawa makna doktor itu juga  
tidak pasti apa yang sebenarnya  
berlaku pada kanak-kanak itu.

Perkongsian memang ter-  
perinci tentang bagaimana anak  
kecil itu lemah anggota kaki dan  
tidak mampu berjalan selepas  
seluruh keluarganya mendapat  
jangkitan Covid-19.

Dia juga merayu-rayu agar ibu  
bapa tidak membawa anak mere-  
ka keluar rumah, pergi ke taman  
dan bersiar-siar di pusat beli-  
belah bagi mengelakkan situasi  
tersebut berulang.

Dalam sekelip mata, perkong-  
sian itu disebar menerusi media  
sosial terutama dalam kalangan  
ibu yang sangat risau dengan apa  
yang dibaca mereka.

Penulis sedar, apa yang cuba  
dilakukan oleh doktor itu adalah  
untuk mengingatkan kepada kita

semua bahawa kita masih ber-  
perang dengan Covid-19.

Namun apa yang penulis  
kurang bersetuju adalah penera-  
pan elemen-elemen '*scare mon-  
gering*' atau menakut-nakutkan  
dalam pesanan yang dititipkan.

Ada petugas barisan hada-  
pan yang turut 'bermurah hati'  
berikan 'teaser' bagaimana sese-  
orang itu diintubasi.

Dari sudut psikologi, ia tidak  
membantu masyarakat kita un-  
tuk mengadaptasi dengan ke-  
hidupan semasa pandemik.

Pegawai Psikologi Kanan Uni-  
versiti Putra Malaysia, Siti Fati-  
mah Abdul Ghani berkata, sesua-  
tu peringatan perlu dibuat dalam  
keadaan tenang dan terkawal.

"Kita hendak menyampaikan  
sesuatu yang mempunyai daya  
penarik dan bukannya aura me-  
nolak, jadi elemen seperti me-  
nakut-nakutkan dan memberi  
amaran berlebihan boleh me-  
ningkatkan ketakutan.

"Sepanjang Perintah Kawa-  
lan Pergerakan (PKP) dilaksana-  
kan, rakyat berdepan dengan  
masalah tekanan perasaan yang  
serius. Penyampaian maklumat  
yang 'mengugut' seperti ini tidak  
membantu," jelasnya.

Penulis suka melihat perkong-  
sian Dr. Malar Santhi yang per-  
nah tular di TikTok, Dr. Khairul  
Hafid melalui #MedTweetMy  
dan juga suami selebriti popular  
Ummi Nazeera, Dr. Izzar Anwari.

Perkongsian mereka menga-  
jak masyarakat untuk berfikir  
dengan waras dan memberi  
contoh-contoh yang senang di-  
fahami serta tidak berdasarkan

andaian semata-mata.

Selepas hampir dua tahun  
hidup dalam suasana pandemik,  
penulis pasti semua orang sudah  
letih dengan arahan PKP.

Jadi apabila kerajaan memberi  
kelonggaran, pastinya ada antara  
kita melihat ia seperti satu jalan  
keluar.

Namun penulis tidak menga-  
takan semua orang wajib ber-  
setuju dengan cara ini kerana  
hidup adalah satu pilihan.

Pesohor media sosial, Mya  
Zulkifli juga ada menyentuh isu  
ini laman Instagramnya.

Katanya, masyarakat perlu  
tahu bahawa kesihatan mental  
anak-anak adalah sama penting  
dengan kesihatan tubuh badan.

"Semua orang berhak untuk  
bersetuju atau tidak bersetuju.  
Ada yang boleh pergi bercuti  
tetapi tidak mahu hantar anak ke  
sekolah. Ada yang tiada masalah  
sekolah dibuka tetapi masih  
khuatir bawa anak melancong.

"Jika anak anda okey untuk  
tidak keluar rumah selama dua  
tahun, maka teruskanlah. Jika  
anda rasa anak-anak perlu keluar  
sebenar dan menikmati sedikit  
kebebasan yang diberikan, tidak  
perlu jelaskan niat itu kepada se-  
siapa," tulisnya lagi.

Suka atau tidak, inilah kehidu-  
pan norma baharu.

Sama-samalah kita saling ber-  
pesan dengan cara berhemah  
mengingatkan diri sendiri baha-  
wa peperangan Covid-19 belum  
tamat.

Vaksin hanya bertindak seba-  
gai pelindung dan bukan mem-  
beri kekebalan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Namun perkara tersebut tidak begitu serius memandangkan proses vaksinasi masih berjalan

Oleh SARINAH MAT KASIM

## SEREMBAN

**T**imbangan Menteri Pendidikan 1, Datuk Dr Mah Hang Soon memberitahu, terdapat segelintir ibu bapa yang masih belum bersedia membenarkan anak mereka menerima vaksin Covid-19.

Walau bagaimanapun katanya, perkara tersebut tidak begitu serius, memandangkan proses vaksinasi terhadap remaja berusia 12 hingga 17 tahun ini masih lagi berjalan.

"Memang ada ibu bapa yang masih belum bersedia membenarkan anak mereka divaksin, tetapi jumlah itu tidak ramai dan kita juga masih tidak mempunyai data mereka (ibu bapa) yang tidak membenarkan anak mereka

divaksin.

"Proses vaksinasi remaja ini masih lagi di peringkat awal, banyak perkara yang kita masih lihat. Ada ibu bapa yang pada mulanya enggan, tetapi setelah diberi penerangan dan kepentingan vaksin, mereka mula terbuka, lalu benarkan anak divaksin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) membabitkan pelajar sekolah, di sini pada Isnin.

Tambahnya, ibu bapa yang masih ragu-ragu boleh datang ke kaunter kaunseling yang disediakan di PPV bagi mendapatkan maklumat serta penerangan yang lebih tepat mengenai kepentingan vaksin untuk anak-anak.

Dalam pada itu, beliau mem-

## Ada ibu bapa belum sedia benarkan anak divaksin



Hang Soon (berdiri, kiri) bersama sebahagian pelajar yang sudah selesai menerima vaksin di di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Dewan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) pada Isnin.

beritahu, rata-rata pelajar yang ditemui di PPV seluruh negara, rasa teruja serta tidak sabar untuk meneruskan persekolahan secara bersemuka.

"Hebahan berhubung vaksinasi perlu dipergiatkan bagi menggalakkan ibu bapa membawa anak-anak mendapatkan suntikan vaksin demi keselamatan

an ketika mengikuti pembelajaran di sekolah.

"Setakat ini, kita tidak menerima laporan berkenaan kesan sampingan akibat vaksin terhadap pelajar sekolah, bagaimanapun, jika ada pelajar yang mengalami kesan sampingan, sila ke hospital berdekatan untuk terima rawatan," katanya.

Setakat Ahad, sebanyak 33.3 peratus pelajar sekolah berumur 12 hingga 17 tahun menerima sekurang-kurangnya dos pertama vaksin Covid-19 manakala 4.5 peratus menerima dos lengkap.

Bagi Negeri Sembilan pula, sebanyak 26 peratus telah menerima dos pertama dan 4.7 peratus telah selesai dos kedua.

Pembukaan sekolah akan dilaksanakan secara berperingkat bermula 3 Oktober ini, khususnya pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 13  
 RUANGAN : NASIONAL

# Rentas negeri pertengahan Oktober

Orang ramai  
 diingatkan sentiasa  
 patuhi SOP yang  
 ditetapkan

Oleh TUAN BUQHAIIRAH TUAN  
 MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



Muhyiddin (kanan) mempengerusikan Mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan pada Isnin.

**A**ktiviti rentas negeri dijangka dibuka seawat-lewatnya pertengahan Oktober ini.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, meskipun ia dibenar, orang ramai diingatkan agar sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Jadi saudara bolehlah merayau atau pergi mana-mana seluruh Malaysia ini, tetapi sentiasa ingat SOP," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MPN di sini pada Isnin.

Menurutnya, sebagai usaha mempercepatkan pemulihan

negara, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut akan mengumumkan pembukaan sempadan antarabangsa tidak lama lagi.

"Isu pembukaan sempadan juga ada dibangkitkan dan akan diteliti bagi membincangkan kewajarannya memandangkan orang ramai telah mendapat dos suntikan lengkap," katanya.

Beliau berkata, pembukaan sempadan merupakan satu keputusan yang membawa kesan besar kepada negara.

"Ia membolehkan ramai pelawat, peniaga, usahawan dan pelancong datang ke negara

kita," katanya.

Sempadan negara ditutup sepenuhnya lebih setahun yang lalu sejak Covid-19 diisytiharkan sebagai pandemik, Mac 2020.

Muhyiddin berkata, mesyuarat MPN juga meluluskan kertas cadangan daripada sekretariat untuk menubuhkan Majlis Pemulihan Negeri yang akan dipengerusikan oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Majlis itu berperanan untuk memastikan keputusan MPN dilaksanakan di peringkat negeri, memperakui strategi dan inisiatif pemulihan di peringkat negeri serta daerah, selain memantau impak pelaksanaan inisiatif pemulihan," katanya.

Bapa kini boleh teman isteri di bilik bersalin

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) memberi kebenaran kepada suami untuk menemani isteri mereka yang akan melahirkan anak di wad bersalin, hospital.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bagaimanapun menetapkan beberapa kriteria sebelum kebenaran tersebut diberikan iaitu individu yang telah lengkap vaksinasi dan negatif Covid-19.

"Saya telah minta Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr

Noor Hisham Abdullah untuk membenarkan bakal bapa yang lengkap divaksinasi menjalankan ujian Covid dan negatif untuk menemani isteri mereka di dalam bilik bersalin," katanya menerusi ciapan pada Isnin.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas reaksi rakyat yang memohon untuk membenarkan golongan bapa untuk menemani isteri di bilik bersalin.

Reaksi itu disambut dengan rasa syukur warga maya yang menanti kebenaran tersebut.

## Covid-19: Hanya 1.9 peratus kategori tiga hingga lima

**PUTRAJAYA** - Hanya 1.9 peratus atau 205 daripada 10,959 kes positif Covid-19 baharu dikategorikan sebagai tahap tiga hingga lima.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, baki 98.1 peratus atau 10,754 lagi merupakan jangkitan kategori satu dan dua.

"Terdapat 12 kes import dan 10,947 merupakan penularan dalam negara," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, penularan wabak yang sebelum ini di Lembah Klang kini menunjukkan penurunan dengan hanya 979 kes dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur (179) dan Putrajaya (18).

"Sarawak kekal negeri yang melaporkan kes tertinggi iaitu

2,723 diikuti Johor (1,226), Kelantan (983), Pulau Pinang (793), Sabah (751), Pahang (739), Perak (713), Kedah (660) dan Terengganu (691).

"Melaka (346), Negeri Sembilan (110), Perlis (51) dan Labuan (sifar)," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 980 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) termasuk pesakit yang disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

"Sementara 579 pesakit lagi memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 16,430 kes dilaporkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan, 2,005,942 kes manakala jumlah kumulatif kes baharu adalah 2,209,194.

MENDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
**APA TINDAKAN**  
**KITA?**



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : SINAR NEGERI

# 'Ada gelandangan lari risau ditangkap'

18 gelandangan disuntik vaksin CanSino di sekitar Kuala Terengganu

Oleh RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU**

**G**olongan gelandangan di Terengganu turut diberi perhatian dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) apabila mereka mendapat suntikan vaksin Covid-19 secara bergerak.

Timbalan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar Terengganu, Ahmad Shah Muhammed berkata, buat permulaan seramai 18 gelandangan menerima suntikan vaksin dos tunggal jenis

CanSino di beberapa lokasi.

Menurutnya, walaupun gelandangan tidak ramai di Terengganu namun kumpulan itu tidak dipinggirkan.

"Sambutan yang diterima menggalakkan kerana 18 gelandangan menerima suntikan. Kita hanya menyasarkan 14 gelandangan walaupun ada yang melarikan diri kerana mungkin mereka fikir akan ditangkap.

"Jumlah suntikan melebihi sasaran ini menunjukkan mereka memberi kerjasama dan kita akan teruskan program ini bagi memastikan semua gelandangan dapat divaksin," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar berkata demikian selepas meninjau proses vaksinasi gelandangan di beberapa lokasi termasuk hentian bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) di sini



Gelandangan yang berada di hentian bas MBKT diberi suntikan vaksin.

pada malam Ahad.

Program hasil kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), polis dan Persatuan Sosial Komuniti Terengganu itu turut disertai ADUN Wanita, Zuraida Md

Noor.

Jelas Ahmad Shah, dianggarkan terdapat lebih 50 gelandangan di sekitar bandaraya Kuala Terengganu namun jumlahnya tidak statik.

Sementara itu, bagi seorang gelandangan yang hanya dikenali Mohd, 50, dari Kerteh,

Kemaman, dia bersyukur kerana dapat menerima vaksin Covid-19 sama seperti orang lain.

"Suntik vaksin ini sekejap saja dan tidak sakit. Syukur dapat juga vaksin sama seperti orang lain, lepas suntik, bolehlah makan di kedai seperti dulu-dulu," katanya.

**MENDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?**



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : SINAR NEGERI

### 50 gelandangan di Johor terima vaksin CanSino

**JOHOR BAHRU** - Seramai kira-kira 50 gelandangan di bandar raya ini mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 menerusi program pemberian vaksin pada Isnin.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Khidmat Masyarakat dan Kesihatan Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Malaysia, Datuk Mohd Rashidi Mohd Noor berkata, program terbuka itu membabitkan vaksin dos tunggal, CanSino.

Beliau berkata, mengikut data yang diperolehi, dianggarkan lebih 100 gelandangan sudah mendapatkan dos pertama vaksin di beberapa Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di sekitar bandar raya ini dan ada antara mereka sedang menunggu giliran untuk mendapatkan dos kedua.

"Program pemberian vaksin kepada gelandangan hari ini (Isnin) memudahkan mereka kerana tidak perlu menunggu dos kedua dan akan mendapat sijil selepas tempoh 28 hari," katanya ketika ditemui di Jalan Trus di sini pada Isnin.

Mohd Rashidi berkata, mengikut data, dianggarkan seramai 200 gelandangan direkodkan berada di Johor Bahru.

"Bagi gelandangan yang belum menerima vaksin kemungkinan tidak dapat dikesan atau tidak berjumpa wakil kami. Mereka yang dikesan akan diminta untuk ke PPV berhampiran.

"Semakan sentiasa dibuat ketika edaran makanan dilakukan. Dari situ juga kita bantu mereka dapatkan vaksin," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Berat hati izin anak satu dos ke sekolah

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI  
utusannews@mediamula.com.my

**MELAKA:** Segelintir ibu bapa keberatan membenarkan anak mereka mengikuti pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka di sekolah, jika kumpulan pelajar itu baru menerima satu dos Covid-19.

Mengakuinya kepada *Utusan Malaysia*, seorang ibu, Suzana Osman, 55, berkata, ini kerana dos pertama tidak dapat memastikan antibodi anaknya cukup kuat untuk melawan virus maut itu.

Katanya, kehadiran pelajar dari negeri lain yang merekodkan kes jangkitan harian tinggi bagi mengikuti sesi persekolahan pada awal bulan depan, turut mengusarkannya.

“Terima kasih kepada kerajaan kerana mempercepatkan vaksinasi untuk pelajar sekolah. Kalau boleh, biarlah pelajar selesai dua dos vaksin terlebih dahulu, baru dibenarkan ke sekolah.

“Ibu bapa yang berada di rumah tidak terlalu bimbang. Selain itu, jika anak mengalami alahan terhadap vaksin, keluarga boleh memantau terus keadaannya di rumah,” katanya ketika ditemui.

Akhbar ini semalam melaporkan, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) untuk pelajar sekolah berjalan lancar dengan peratusan terkini mencatat sehingga 30.1 peratus daripada keseluruhan 2.53 juta individu berusia 12 hingga 17 tahun menerima dos pertama



**AHMAD As-Syaheed Ahmad Misbah menunjukkan kad vaksinasi Covid-19 selepas menerima suntikan dos pertama di PPV Dewan Tun Ali, Bukit Katil, Melaka. - UTUSAN MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI**

vaksin.

Memaklumkan perkara itu, Timbalan Menteri Pendidikan I, Senator Datuk Dr. Mah Hang Soon berkata, sebanyak 4.4 peratus pula telah lengkap dua dos melalui pelaksanaan imunisasi di 687 pusat pemberian vaksin (PPV) awam sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT), klinik kerajaan dan balai polis.

Sementara itu, seorang pelajar, Ahmad As-Syaheed Ahmad Misbah, 17, berkata, dia kini be-

rasa yakin dan selamat untuk kembali ke sekolah, walaupun baru menerima dos pertama.

Menurutnya, imunisasi adalah penting kerana sebahagian besar pelajar hanya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di tempat-tempat yang boleh dipantau guru.

“Selain itu, mereka tidak mengikutinya. Penjarakan sosial hanya berlaku di kawasan tertentu seperti kelas, kantin dan perpustakaan,” katanya.

## 18 gelandangan terima vaksin di Terengganu



**BAGI** mencapai kadar vaksinasi tinggi, kerajaan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) malam kelmarin memberikan suntikan vaksin jenis CanSino kepada 18 gelandangan di sekitar Hentian Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu di Kuala Terengganu.

Walaupun berdepan cabaran untuk mendekati golongan itu berikutan isu kesihatan mental dan masalah dokumen pengenalan diri, namun proses vaksinasi yang dibantu pelbagai pihak berjalan lancar. Pada awalnya 14 orang

disasarkan untuk divaksin tetapi bilangannya bertambah kepada 18 orang kerana ramai yang mahu bekerjasama.

Jumlah gelandangan di Terengganu dianggarkan seramai 50 orang dengan kebanyakannya tertumpu di sekitar pusat bandar.

■ **PETUGAS** Jabatan Kesihatan negeri menyuntik vaksin kepada seorang gelandangan wanita di Hentian Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu di Kuala Terengganu, malam kelmarin. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI



**ANTARA** remaja Orang Asli suku Semaq Beri yang terlibat dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Kampung Sungai Pergam di Kemaman, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

## Remaja Orang Asli suntik vaksin kerana rindu sekolah

**KEMAMAN:** Kerinduan untuk ke sekolah mendorong seorang remaja Orang Asli suku Semaq Beri di Kampung Sungai Pergam di sini menerima vaksin Covid-19.

Mohd. Shah Sharif, 16, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Neram turut mengajak rakan-rakannya mengambil vaksin.

“Hampir enam bulan tidak ke sekolah, saya rindu suasana belajar dalam kelas dan berjumpa guru-guru.

“Lagi pun kemudahan internet di kampung tidak memuaskan dan kerap terganggu. Jadi saya bimbang terus tercicir dalam pelajaran,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika menyertai Program *Outreach* Vaksinasi Covid-19 Orang Asli di Kampung Sungai Pergam semalam.

Seramai 290 Orang Asli di Kampung Sungai Pergam dan Sungai Putih menerima vaksin Covid-19 dengan 70 daripadanya

adalah remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Bagi Mohamad Nizam Ismail, 14, pula, walaupun tidak bersekolah seperti remaja lain, namun dia tidak mahu terkecuali daripada PICK Remaja bagi memudahkan urusannya pergi ke bandar untuk membeli barangan.

“Sudah lama berkurung di kampung, saya teringin ke bandar tetapi takut jangkitan Covid-19 ketika berada di tempat awam,” kata beliau.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION / NEWS

Nation / NEWS

7

A parent accompanying his child to be vaccinated against Covid-19 in Kuala Lumpur yesterday.  
PIC BY FATHIL ASRI



## CONTINUING OUTREACH

## Some parents refusing to vax children, says Mah

**SEREMBAN:** A small number of parents are refusing to vaccinate their children against Covid-19, said Deputy Education Minister I Datuk Dr Mah Hang Soon.

However, he said there was no data on how many students were denied vaccines by their parents as the Covid-19 National Immunisation Programme for adolescents had just started.

"There are some (who are not ready). I've visited many vaccination centres in several states but the number is small. We have yet to get the exact number as the programme has just started.

"However, no matter how small the number, it still has to be given

attention," Mah said after visiting the Seremban City Council vaccination centre yesterday.

He said the Education Ministry would reach out to these parents to explain the importance of vaccination, including readying information counters and counselling at vaccination centres.

Mah said the ministry would not prevent unvaccinated students from attending class when schools reopen on Sunday and Monday.

Mah advised parents to seek medical help if their children had any side effects after vaccination and to update the information on MySejahtera. **Bernama**

25,437 DEATH TOLL

# 278 COVID-19 DEATHS REPORTED ON SUNDAY

Selangor tops list with 113 fatalities, 7-day average now 90

DHESEGAAN BALA KRISHNAN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE number of Covid-19 fatalities reported on Sunday climbed to 278 from 228 the previous day.

According to the Health Ministry's CovidNow portal, brought-in-dead (BID) cases also jumped drastically from only 36 on Saturday to 99 on Sunday. To date, the virus has claimed 25,437 lives in the country, including 5,022 BID cases.

The seven-day average of actual deaths, as of Sunday, stood at 90, compared with 110 on Saturday.

Selangor accounted for the most number of fatalities on Sunday, at 113, followed by Johor with 32, Penang with 31, Kedah with 27, Sabah with 22, Kuala Lumpur with 12, Kelantan and Sarawak with 11 each, Perak and Terengganu with five each, Melaka and with four each, and one death in Negri Sembilan.

No deaths were reported in Perlis, Putrajaya and Labuan on Sunday.

Based on data for the past two weeks, 5.6 deaths have occurred for every 100,000 people in the country.

Sunday saw another 13,096 Covid-19 cases reported in the country, most of them in Sarawak (2,943 cases).

Johor had the highest hospital utilisation rate in the country, at 84.6 per cent, or 1,662 beds.

In Kuala Lumpur, only 40.9 per cent of hospital beds are occupied.

The number of patients in intensive care continues its steady decline since Sept 23, with only 1,050 patients on Sunday. Of this number, 582 need respiratory support.

Selangor had the highest number of patients in ICU, at 189, including 96 who need respiratory support.

Up to Sunday, 93.7 per cent of adults in the country have received at least one vaccine dose, including the 83.7 per cent who have been fully vaccinated.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

# Lifting border control under study

## Interstate travel may be allowed by mid-October, says Muhyiddin

By JOSEPH KAOS Jr  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** With interstate travel likely to resume by mid-October, the government is also looking at lifting border control, it was announced.

National Recovery Council (NRC) chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin said the government would deliberate on whether the country was ready to reopen to tourists and business travellers.

"The reopening of the country's borders was discussed and will be deliberated further by the related ministers this week.

"They will be looking into whether to allow fully vaccinated Malaysians to travel abroad.

"At the same time, it will also be discussed whether to allow tourists and business travellers into the country.

"I believe this will bring about a big effect to the country.

"The matter will be brought to the Prime Minister, and an announcement will be made soon,"

Muhyiddin told a press conference yesterday after chairing the council meeting for the first since his recent appointment.

On interstate travel, he said the council was given a briefing by Health Minister Khairy Jamaluddin.

He said people would be allowed to cross states when 90% of the adult population had been immunised.

"We were told this could be achieved by early October or at the latest by the middle of the month.

"So you can start making plans to travel around country after this. But do not forget the SOP," Muhyiddin said.

At present, about 83% of the country's adult population have been fully vaccinated.

He said Khairy also briefed the council on the falling numbers of Covid-19 patients in intensive care units.

"We are pleased and this shows the positive effects of the vaccination programme," Muhyiddin added.

He said it was proposed that



**High-powered meeting:**

Muhyiddin is flanked by Azmin (left) and Tengku Zafrul. Also present at the NRC meeting are Khairy (next to Tengku Zafrul) and Dr Noor Hisham. — Bernama

state-level NRCs be formed to ensure that recovery plans were implemented efficiently, adding that the respective mentris besar and chief ministers would chair it.

He said the meeting also dis-

cussed the reopening of schools and higher learning institutions.

Also present was Senior Minister (Security) Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Senior Minister (International Trade and Industry) Datuk

Seri Azmin Ali, Senior Minister (Education) Datuk Dr Radzi Jidin, Finance Minister Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

## Lowest figures in more than two months

By JOSEPH KAOS Jr  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia's Covid-19 figures continued to improve, with the country reporting its lowest daily case number in over two months.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country had 10,959 new cases, taking the cumulative total to 2.2 million.

"Of the 10,959 new cases, 98% of them are either mild or asymptomatic cases. Another 205 cases (1.9%) are Category 3, 4 and 5 cases," he said in his daily update.

The last time Malaysia reported

fewer daily cases was on July 18, when the country recorded 10,710 infections.

Only two states reported four-digit case increases: Sarawak with 2,723 and Johor with 1,226 cases.

Selangor recorded 979 new cases, its lowest since early May.

Kuala Lumpur continued reporting low cases numbers with 298 new infections yesterday.

There were 16,430 patients discharged yesterday, making it the 11th consecutive day where recoveries outnumbered new cases.

The country's cumulative Covid-19 recoveries surpassed the two-million mark, at 2,005,947 yesterday.

This is a recovery rate of 90.8%.

The number of patients in intensive care units (ICUs) dropped below the 1,000 mark to 980 cases.

Dr Noor Hisham said of the 980 ICU patients, 862 were confirmed Covid-19 cases while the others were suspected cases.

There are 579 patients on ventilator support.

Malaysia's infectivity rate was at an Rt level of 0.92 as at Sunday.

Pahang, with an Rt level of 1.02, is the sole state in the country with an Rt level of more than 1.0.

An Rt level of less than 1.0 means that the infection spread is shrinking.

The Health Ministry identified 19

new infection clusters nationwide.

This brings the current total of active ones to 1,165.

The ministry's CovidNow website reported that the country's Covid-19 death cases statistic was still on a decreasing trend.

The average number of deaths in the last seven days, based on actual date of death, is 90.

This is a decline from early August when the average was around 300 deaths a day.

The country's active Covid-19 cases have gone down to around 180,000, of which 83% are people with mild or asymptomatic infections and who are undergoing home quarantine.

## Blueprint to reform healthcare on the table

**KUALA LUMPUR:** A blueprint to reform the Malaysian healthcare system and a new infectious disease institute are some of the measures under the 12th Malaysia Plan (12MP) as the country emerges from the Covid-19 pandemic.

The plan has several policies targeting specific health needs, such as oral healthcare, mental health, and immunisation, while food safety policies will be reviewed to protect the public against health hazards and fraud in the food supply chain including the preparation, sale and use of food.

Five other measures are combating communicable diseases, combating non-communicable diseases, strengthening healthcare programmes for older persons, increasing preparedness in handling health crises, and ensuring the quality and accessibility of healthcare services.

According to the 12MP, to strengthen the health financing and public awareness strategy, financial sustainability for healthcare will be ensured, health protection will be strengthened and health literacy, as well as awareness, will all be enhanced.

"Social media platforms will be leveraged to invigorate health literacy and counter misleading information that exacerbates health issues," it said.

The third strategy is to enhance healthcare service delivery by leveraging technology, including digitalising healthcare services and improving research, development and innovation capacity. — Bernama



**AKHBAR** : THE SUN ON TUESDAY  
**MUKA SURAT** : 4  
**RUANGAN** : NEWS WITHOUT BORDERS



**NO SEE, NO PAIN** ... A Penang Remand Prison inmate being vaccinated yesterday during a drive to inoculate 200 detainees a day until Thursday.  
 —MASRY CHE ANI/THESUN

## Vaccination for the homeless

**KUALA TERENGGANU:** The Terengganu government started its vaccination programme for the homeless on Sunday.

State Local Government, Housing, Health and Environment Committee deputy chairman Ahmad Shah Mohamed said 18 homeless people from around Kuala Terengganu have received a single-dose CanSino vaccine.

"The response from the group was very encouraging as they were briefed on the importance of vaccination by non-governmental organisations (NGO).

"The vaccine programme went smoothly", he said.

However, he added that there were some who left without receiving their jabs.

"We will track them down so that

they will not be left out of the vaccine programme," he said after checking on the process.

Also present during the operation were staff from the state health department, social welfare department, national registration department, community social association and police.

It is estimated that, there are 50 homeless people in the Kuala Terengganu district.

Meanwhile, Mohd Zulkifli Mohd Rani, 50, from Kerteh in Kemaman said he was thankful that the government had included the group in the vaccination programme.

"I am aware of the vaccine after watching television at restaurants.

"I was not scared because NGO members had reminded us to cooperate with doctors." — Bernama